

PERAK SEBAGAI PUSAT PERDAGANGAN DI ALAM MELAYU SEHINGGA ABAD KE-19

(Perak As Trade Center in The Malay World Until The 19th Century).

Megat Zulrushdi Fahimudin, Mohd Samsudin & Suffian Mansor

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan perkembangan kegiatan ekonomi perdagangan dalam kalangan masyarakat Melayu di Perak sehingga awal kedatangan British pada tahun 1874. Masyarakat Melayu sering kali dikaitkan hanya terkenal dengan kegiatan ekonomi sara diri pertanian dan perikanan sebagai memenuhi keperluan hidup mereka semata-mata tanpa melihat kepentingan ekonomi lain. Makalah ini akan membuktikan bahawa perdagangan juga adalah merupakan satu kegiatan ekonomi yang terpenting bagi masyarakat Melayu di Perak bermula seawal kewujudan kerajaan tua Gangga Nagara di Perak lagi. Kajian ini akan menggunakan kaedah kajian kualitatif pendekatan sejarah iaitu memberikan tumpuan kepada manuskrip lama negeri Perak iaitu Misa Melayu di samping penggunaan-sumber sekunder tulisan-tulisan sarjana yang berkaitan dengan perdagangan di Perak. Bermula dari tempoh kerajaan awal sehinggalah awal kedatangan British, telah banyak bukti yang telah ditemukan bahawa masyarakat Melayu di Perak telah menjadikan kegiatan perdagangan sebagai aktiviti yang utama. Selain golongan pemerintah dan pembesar yang terlibat dalam kegiatan perdagangan ini, golongan masyarakat lain juga turut terlibat secara aktif menjalankan aktiviti perdagangan bermula sebagai memenuhi keperluan seharian sehinggalah menjadi pembekal untuk sesuatu barangan dagangan. Kegiatan ekonomi perdagangan juga telah membawa kepada permulaan kedatangan pelbagai keturunan masyarakat Melayu daripada Alam Melayu yang hampir kesemuanya adalah bermula dengan menjalankan aktiviti perniagaan dan perdagangan.

Kata kunci : Masyarakat Melayu, alam Melayu, kegiatan ekonomi, perdagangan.

ABSTRACT

This paper discusses the development of trade economic activity among the Malay community in Perak until the beginning of the British arrival in 1874. The Malay community is often associated only with the subsistence economic activities of agriculture and fisheries as meeting their basic needs without regard to other economic interests. This paper to prove that trade is also an important economic activity for the Malay community in Perak beginning as early as the Gangga Nagara in Perak. The writing is based on references to the old Perak state manuscript, the Misa Melayu and through a literature review of other scholars' writings. From the time of the early government until the arrival of the British, there has been ample evidence that the Malay community in Perak has made trade a major activity. In addition to the government and officials involved in these trading activities, other community members are also actively involved in trading activities starting from subsistence until they become suppliers of merchandise. The economic activity of trade also led to the advent of the various descendants

of the Malay people from the Malay World, almost all of which began by conducting business and trade activities.

Keywords: Malay society, Malay World, economic activity, trade.

PENGENALAN.

Perak dikenali sebagai antara negeri yang mengeluarkan hasil bijih timah yang banyak di Alam Melayu. Permintaan terhadap hasil bijih timah telah menjadikan Perak antara tumpuan terhadap perdagangan sama ada tempatan mahupun dari luar. Oleh hal yang demikian, ini telah menjadikan Perak sebagai pusat perdagangan yang terkenal seawal abad ke-5 Masihi lagi. Permasalahannya, Perak sering dilupakan sebagai sebuah pusat perdagangan dan hanya lebih dikenali sebagai pengeluar bijih timah sahaja. Peranannya sebagai pusat perdagangan di Alam Melayu, hampir dilupakan dan tidak disedari lagi pada masa ini. Alam Melayu, yang merangkumi Tanah Melayu, Kepulauan Borneo, Kepulauan Sumatera, Pulau Jawa hinggalah ke Kepulauan Sulawesi dan Kepulauan Riau pernah menjadi tumpuan pedagang-pedagang terutamanya pedagang-pedagang India, China dan Arab serta pedagang Eropah. Perdagangan di Alam Melayu ini telah dikendalikan oleh orang Melayu yang sememangnya telah terkenal dalam kalangan masyarakat antara bangsa sebagai pelaut-pelaut yang handal dengan jong-jong yang besar-besar sejak awal abad pertama Masihi lagi. Bangsa Melayu adalah bangsa pelaut yang bergantung hidup kepada laut dengan menjalankan pelbagai kegiatan sebagai pelaut, nelayan, dan pedagang. Keadaan ini telah dibuktikan oleh Wilhelm Solheim, seorang ahli arkeologi yang mengetengahkan pendapat bahawa telah wujud satu tamadun manusia pelaut dan perdagangan lautan di seluruh Asia Tenggara, khususnya di pulau-pulau di Kepulauan Melayu. Walaupun Solheim tidak menyatakan bahawa kesemua orang-orang yang hidup dengan tamadun pelaut ini adalah rumpun Melayu, tetapi beliau menyatakan keyakinan bahawa kebanyakan mereka adalah penutur bahasa rumpun Melayu. (Mohd Arof Ishak, 2009, p. 54.)

Aktiviti perdagangan yang awal adalah merupakan sistem perdagangan tukar barang antara kawasan tanah pamah dengan kawasan bukit atau antara penduduk kawasan pedalaman dengan penduduk pesisir. Berikutan berkembangnya sistem komunikasi akhirnya telah membentuk perdagangan yang lebih luas di kawasan hilir lembah sungai utama di Asia Tenggara sebelum terbentuknya perdagangan antarabangsa terutamanya dengan India dan China. Pelabuhan-pelabuhan sekitar Asia Tenggara telah dijadikan kawasan transit bagi pedagang dan pelaut sejak abad pertama Masihi lagi bagi jalan laut yang biasa digunakan antara timur India dan Sri Lanka ke pelabuhan di Alam Melayu yang telah mewujudkan jalan perdagangan ke pelabuhan di China. (Ahmad Jelani Halimi, 2006, p. 1.) Alam Melayu telah muncul sebagai pusat perdagangan yang amat strategik kerana kedudukan geografinya yang terletak di persimpangan dua jalan laut yang antara benua India dan China. Selain kedudukannya yang strategik, sistem pengurusan pelabuhan yang tersusun dan cekap juga adalah antara faktor yang menjadikan ia tarikan utama pedagang-pedagang datang berdagang di Alam Melayu. Selain didatangi pedagang-pedagang luar, pelaut dan pedagang Melayu juga keluar menjalankan perdagangan bukan sahaja berdagang di sekitar Alam Melayu, malahan telah belayar jauh berdagang hingga ke China. Sumber daripada China mencatatkan bahawa sekitar abad ke-2 Masihi lagi, perahu-perahu Melayu yang dikenali sebagai Kun-lun po oleh orang Cina banyak berlabuh di pelabuhan-pelabuhan tenggara China. Kapal-kapal besar sepanjang 50 meter yang timbul empat atau lima meter di permukaan air, adalah merupakan pengangkutan jarak jauh India – China yang utama pada masa itu. Kapal-kapal Melayu ini

menurut catatan, mempunyai empat bidang layar yang diperbuat daripada ijuk atau daun-daun atap yang lain seperti nipah atau rumbia yang hanya dapat digerakkan dengan bantuan angin. Hingga abad ke-7, jong-jong ini adalah merupakan alat pengangkutan kargo dan pedagang yang mampu mengangkut antara 250 – 1,000 tan kargo berserta 600 – 7000 orang penumpang yang melayari Teluk Benggala, Teluk Siam dan Laut China Selatan. (Ahmad Jelani Halimi & Ishak Saat. 2010, p. 21.)

PERDAGANGAN AWAL ALAM MELAYU

Alam Melayu pernah menempa sejarah sebagai tumpuan pusat perdagangan yang termasyhur di rantau ini bermula abad pertama hingga zaman Kerajaan Melayu Melaka. Pelabuhan-pelabuhannya sentiasa sibuk disinggahi oleh kapal-kapal dagang dari merata ceruk rantau seperti dari Arab, Cina, India dan juga dari Kepulauan Melayu sendiri yang silih berganti melakukan urusan niaga barang-barang perdagangan mereka. Kedudukan Alam Melayu yang strategik di pertengahan lalu lintas perkapalan sering menjadi tempat persinggahan dan pusat perdagangan. Pelabuhan-pelabuhan Alam Melayu menjalankan fungsi sebagai saluran untuk transaksi barang-barang menerusi sistem entrepot dalam hubungan perdagangan antara benua China dan India serta negeri-negeri di sekitar laut Merah dan Laut Mediterranean. (Auni Haji Abdullah, 2001, p. 17.) Kewujudan pusat perdagangan Melayu termasuklah Perak telah tercatat dalam banyak teks Melayu seperti Sulalatus Salatin, Hikayat Raja Pasai, Hikayat Merong Mahawangsa, Tuhfat al Nafis, Bustanul Salatin, dan juga Misa Melayu. Kerajaan Melayu Melaka, Srivijaya, dan Funan memang amat dikenali sebagai pusat perdagangan dalam Alam Melayu, tetapi kurang mengenali Perak sebagai pusat perdagangan yang tidak kurang pentingnya. Kemasyhuran Kerajaan Melayu Melaka pernah dinyatakan oleh Pires, bahawa sesiapa yang dapat menguasai Melaka bererti ia akan dapat menguasai seolah-olah Venice di sebelah Timur. Menguasai Melaka, bererti penguasaannya sampailah ke China, kerana dari China akan sampai ke Maluku, dan dari Maluku sampai ke Jawa, dan dari Jawa sampai Melaka dan Sumatera berada di dalam penguasaannya. (O. W. Wolters, 1967, p. 31.) Demikianlah betapa hebatnya perdagangan terhadap Melaka dan tempat-tempat yang terdapat di Selat Melaka. Penguasaan terhadap lalu lintas perdagangan telah menjadikan sesebuah kerajaan tersebut sebagai sebuah kuasa maritim dan mempunyai pengaruh ekonomi.

Dalam Alam Melayu sendiri bagi mengukuhkan ekonomi Melaka, pemerintah Melaka telah menjadikan negara sekitar wilayah Alam Melayu sebagai jajahan atau naungan. Perluasan melalui jajahan ini telah memperoleh wilayah Dinding, Muar, Singapura dan Bintan sebagai kawasan empayar Melaka sehingga menyeberangi Selat Melaka iaitu Inderagiri dan Kampar yang banyak dengan hasil lada hitam dan emas di kawasan pendalaman Minangkabau. Keluasan empayar Melaka juga diteruskan merangkumi hingga ke Bernam dan Perak. (Mohd Samsudin, 2017, pp. 144 -146.) Kejayaan Melaka telah mewujudkan rangkaian perdagangan di rantau Alam Melayu dalam usaha meningkatkan pendapatan tahunan kepada Melaka. Tom Pires dengan jelas menyebut Perak yang mempunyai hubungan perdagangan dengan Melaka:

The other village is called Perak. It used to pay four thousand timas a year to Malacca.

The population is about the same as that of Klang. They are Malays also. (A. Cortesa, 1944, p. 261.)

Sememangnya sejak zaman Kerajaan Melayu Melaka lagi, Perak sudah terkenal dengan bumi yang kaya dengan bijih timah sekali gus sebagai pengeluar timah yang utama seperti yang dicatatkan oleh Tome Pires dalam Suma Oriental, Perak membayar ufti ke Melaka dalam bentuk timah. Demikian halnya pertelingkahan antara Melaka dengan Siam adalah disebabkan

hasil timah yang dikeluarkan oleh Selangor, Bernam, Manjung, Beruas dan Perak. Sejak zaman kerajaan Melayu Melaka lagi daerah Manong dan Beruas di Perak antara yang membekalkan bijih timah kepada perdagangan Melaka. Keadaan ini berterusan sehingga zaman pemerintahan Portugis di Melaka. Seorang penulis Portugis menafsirkan bahawa sejumlah 400 kati bijih timah dari Perak dihantar ke Melaka setiap tahun. Pegawai Portugis di Melaka juga terlibat dalam perdagangan bijih timah di Perak dengan mendirikan pos perdagangan. (Khou Kay Kim, 1988, p. 36.) Pada awal kurun ke-16, Melaka masih merupakan sebuah empayar yang agung, makmur dan masyhur telah dapat meluaskan kuasa dan empayar nya dengan menakluk Manjung dan Beruas. Manjung telah diserang dan dikalahkan oleh pasukan tentera Melaka yang diketuai oleh Paduka Tuan, manakala Beruas pula telah menyerah dan menerima kekuasaan Melaka. (Muhd. Yusof Ibrahim, 1996, p. 72.)

Kemasyhuran perdagangan Melayu ini juga telah diketahui umum dengan berdasarkan kepada Kerajaan Melayu Melaka yang merupakan sebuah kerajaan yang terkenal dengan kepesatan dan kemajuan pusat perdagangan awal kurun ke-16. Melaka mampu bergiat dalam bidang-bidang yang boleh membawa kemakmuran dan kesejahteraan kepada rakyat dan negara sebelum diserang dan dikalahkan oleh Portugis. (Muhd. Yusof bin Ibrahim, 1996, p. 67.)¹ Di sinilah bukti yang menunjukkan bahawa orang Melayu terkenal sebagai pelaut handal, peniaga utama dan pengurus niaga yang hebat. Dagangan seluruh dunia terkumpul di Melaka, dan segala-galanya boleh didapati di pelabuhan Melaka. Setelah serangan angkatan Portugis di bawah pimpinan Alfonso de Albuquerque pada tahun 1511, kegemilangan pelabuhan Melaka telah tercalar, dan hancur. (Abdullah Zakaria Ghazali, 2018, p. 1.)

Penguasaan Melaka oleh Portugis telah menjejaskan budaya perdagangan bebas yang diamalkan oleh pedagang-pedagang Melayu antaranya dengan memaksa kapal-kapal yang singgah di Melaka untuk membayar cukai dan mendapatkan surat izin untuk berdagang di Melaka. Dasar memaksa kapal dagang yang melalui Selat Melaka untuk singgah berniaga di pelabuhan Melaka serta mendapatkan surat kebenaran dikuatkuasakan sebaik sahaja Portugis menguasai Melaka. (Leonard Y. Andaya, 1975, p. 55.) Dasar monopoli perdagangan dan cukai yang tinggi ini telah menyebabkan pedagang tidak berpuas hati terhadap pengendalian pelabuhan oleh Portugis dan mengakibatkan ramai pedagang yang berpindah untuk menjalankan perdagangan di Aceh dan Pedir. (Sivachandralingam Sundara Raja, 2005, p. 62.)

HASIL KAJIAN

Gangga Nagara, Beruas dan Manjung

Aktiviti perdagangan di Perak lebih awal dikesan bertumpu di kawasan-kawasan berhampiran dengan laut seperti Kerajaan Gangga Nagara yang terletak di kawasan Sungai Dinding yang telah menjadikan perdagangan sebagai aktiviti utama. Kewujudan kerajaan Hindu Gangga Nagara ini telah pun wujud sebelum Sultan Muzaffar Shah mengasaskan Kesultanan Perak pada tahun 1528 lagi yang berpusat di Beruas yang dianggarkan wujud sekitar abad ke-5 dan ke-6 Masihi. Kerajaan Gangga Nagara yang menjalankan kegiatan perdagangan telah menjadi tumpuan para pedagang luar seperti Arab dan juga dari China kerana memiliki sumber emas dan bijih timah. Dengan kehadiran ramai pedagang yang datang berdagang, menjadikan kerajaan Gangga Nagara semakin bertambah kuat sehingga membolehkannya mempertahankan diri daripada serangan Srivijaya pada tahun 850. (Fawzi M. A. Basri. 1986., p. 6.) Tun Seri Lanang telah merakamkan kebesaran kerajaan Gangga Nagara ini dalam

Sulalatus Salatin peristiwa serangan Raja Suran dari India (zuriat Iskandar Zulkarnain) ke atas Gangga Negara.

“Setelah berapa lamanya, maka Raja Suran pun sampailah kepada sebuah negeri Gangga Negara namanya, Raja Gangga Shah Johan nama rajanya. Maka adapun negeri itu di atas bukit, dipandang dari hadapan terlalu tinggi, dan dari belakang rendah juga, ada sekarang kotanya di darat Dinding, ke sana Perak sedikit. Setelah Raja Gangga Shah Johan mendengar khabar Raja Suran datang, maka baginda menyuruhlah menghimpunkan segala rakyatnya, dan menyuruh menutupi pintu kotanya, dan bangunan-bangunan pun disuruh tunggui, dan parit pun dipenuhi dengan air. Maka segala rakyat Raja Suran pun datanglah mengepung kota Gangga Negara itu, maka dilawan berperang oleh orang di atas kota itu. Maka segala rakyat Raja Suran pun tiada boleh tampil, kenaikan gajah baginta meta. maka beberapa ditikam dan dipanah orang dari atas kota, tiada diendahkannya, maka tampil juga ia menghampiri pintu kota Gangga Negara, dipalunya dengan cokmarnya, maka pintu Gangga Negara pun robohlah. Maka Raja Suran pun masuklah ke dalam kota Gangga Negara dengan segala hulubalangnyanya. (W.G. Shellabear, 2016, p. 8.)

Gangga Negara yang ketika itu diperintah oleh Raja Gangga Shah Johan telah menghadapi peperangan hebat oleh Raja Suran yang akhirnya berjaya menawan Gangga Negara. Walau bagaimanapun akhirnya kegemilangan kerajaan Gangga Negara musnah pada abad ke-11, apabila diserang oleh Raja Chola 1 pada tahun 1025.² Selepas kerajaan Gangga Negara musnah, muncul dua buah kerajaan Melayu iaitu kerajaan Beruas dan Manjung yang mengambil alih kekuasaannya.³ Sulalatus Salatin menjelaskan peristiwa Sultan Mahmud Shah menitahkan paduka Tuan (Bendahara Lubuk batu) menyerang Manjung yang tidak sehaluan dengan Beruas. (W.G. Shellabear, 2016, p. 200.) Manjung ketika itu adalah sebuah kerajaan yang lebih besar daripada Beruas. Selepas berjaya mengalahkan Manjung, Paduka Tuan kembali ke Melaka bersama-sama dengan Raja Beruas. Raja Beruas akhirnya telah ditabalkan oleh Sultan Mahmud Shah sebagai pemerintah Beruas dan Manjung dengan diberi gelaran Tun Aria Bija Diraja dan bersemayam di Manjung. (Jelani Harun, 2011, pp. 17-18.) Kerajaan Melayu Beruas dan kerajaan Manjung juga terlibat dalam kegiatan perdagangan. Tom Pires dalam Suma Oriental menyatakan pada tahun 1512 pelabuhan Beruas sentiasa dikunjungi oleh pedagang-pedagang luar seperti pedagang Gujerat, Siam dan Kedah serta China. Dengan penemuan artifak-artifak seperti ketulan timah, rantai sauh kapal, duit syiling, tembikar China yang berwarna biru putih di kawasan sekitar Kampung Che Puteh, Bukit Che Puteh, Bukit Shamsul Bahrin, Kg. Pecah Batu, Gua Kelawar di Beruas, telah membuktikan bahawa kegiatan perdagangan merupakan aktiviti penting bagi kerajaan Beruas.⁴ Menurut Tom Pires;

This has not so much tin, but it has more people and it is a trading place. It has a great many paraos and people, and there are two villages on the Bruas River. This Bruas has plenty of rice. They are Malays. They pay six thousand timas to Malacca every year. The people in this place have more presumption than all the others put together. The captain here is Tuam Açem, mandarin of Malacca. (A. Cortesa, 1944, p. 261.)

Penemuan arkeologi juga telah menunjukkan pada awal abad ke-16, telah terdapat penempatan di sepanjang pantai Daerah Larut, Beruas, Dinding dan di kawasan pedalaman Kinta yang menunjukkan kawasan-kawasan tersebut mempunyai hubungan dengan India. Adalah didapati bahawa Kuala Selingsing di Larut telah menjadi pelabuhan pengumpul, pengedaran dan pertukaran barangan. (Barbara Watson Andaya, 1979, p. 16.)

Pelabuhan-pelabuhan di Alam Melayu berfungsi sebagai pelabuhan persinggahan dan pembekal perkhidmatan kepada saudagar dan pelaut asing yang melalui kawasan-kawasan ini dalam perjalanan ke China dan India. Di sinilah pelaut Melayu berperanan sebagai golongan perantara yang menghubungkan pedagang-pedagang dari India dan sebelah Barat dengan pedagang-pedagang China dan sebelah Timur.

Beruas sejak dahulu lagi telah menjadi pelabuhan perdagangan utama bagi Melaka yang mengendalikan kapal-kapal Gujerat yang datang dari Siam dan Kedah untuk memperoleh bijih timah. (Barbara Watson Andaya, 1979, p. 17.) Selepas kejatuhan Melaka, Aceh telah mengambil tempat tumpuan pedagang-pedagang Islam dan Alam Melayu yang beralih dari Melaka yang ketika itu telah pun dikuasai oleh Portugis. Ketika ini Perak terus menjadi pembekal utama bijih timah untuk perdagangan antarabangsa Aceh. (Ahmad Jelani Halimi & Ishat Saat, 2010, p. 31.) Penaklukan Perak oleh Aceh bukan sekadar meletakkan Aceh sebagai sebuah kuasa politik terunggul di Tanah Melayu, bahkan juga memperkuat kedudukannya dalam memenuhi hasrat untuk menguasai perairan Selat Melaka dan seterusnya melemahkan cengkaman kuasa Portugis di Melaka. Penaklukan Aceh ke atas Perak telah meningkatkan penguasaannya ke atas hasil pengeluaran bijih timah. (Auni Haji Abdullah, 2001, p. 233.) Selepas itu, Perak terus antara negeri yang menjadi tumpuan perluasan kuasa asing bermula zaman penjajahan Portugis dan Belanda di Melaka sehinggalah kepada kolonial British.

Penglibatan Kesultanan Perak Dalam Perdagangan

Dalam sejarah perdagangan di Perak, banyak pihak dan kuasa luar yang pernah terlibat dalam menjalinkan hubungan perdagangan mahupun yang telah menguasai negeri ini seperti Portugis, Aceh, Belanda, Bugis dari Riau dan Selangor, serta Siam dan diikuti oleh British. Antara perdagangan yang menjadi tarikan orang Eropah ialah dalam pembelian bijih timah dan penjualan kain. Pengembara-pengembara Arab sejak abad ke-9 lagi telah menyebut Perak dalam catatan mereka antara tempat yang banyak membekalkan bijih timah. (Badriyah Haji Salleh, 1988, p.80.) Perak terus berperanan sebagai pusat tumpuan membekalkan bijih timah kepada pihak lain yang berminat untuk mendapatkannya seperti pada abad ke-16 negeri ini menjadi tumpuan orang-orang Portugis, seperti yang dicatatkan oleh seorang sejarawan Portugis iaitu *Godinho de Eredia* yang menulis antara tahun 1597-1600, bahawa Perak antara pelabuhan yang sering dilawati kerana perdagangan bijih timah;

“Perat is much frequented and is the principal port for the trade in tin or calayn in large slabs... Here have been discovered, in the ranges of mountains within its jurisdiction, such large mines of tin or calayn, that every year more than three hundred bares of tin are extraced to supply the factory of the Captain of Malacca and the trade of the merchants from India” (R. O. Winstedt & R. J. Wilkinson, 1934, p. 14.)

Orang-orang Portugis antara yang banyak memberi kesan kepada perdagangan bijih timah di Tanah Melayu, terutamanya di Perak. Seorang penulis Portugis, *Barretto de Resende* mentaksirkan pengeluaran bijih timah dari lombong-lombong di Perak adalah berjumlah lebih kurang 400 kati yang dihantar ke Melaka setiap tahun. (Khoo Kay Kim, 1988, p. 36.) Tumpuan perdagangan bijih timah juga turut menarik minat orang-orang Belanda pada abad ke-17 hinggalah pada abad ke-18 oleh orang-orang British yang berlumba-lumba untuk mendapatkan monopoli bijih timah ini dari Sultan. Seperti hubungan perdagangan antara Perak dengan Belanda telah dijelaskan dalam Misa Melayu yang menyatakan kedatangan pedagang atau pegawai Belanda ke Perak untuk membeli bijih timah yang telah menambahkan lagi pendapat negeri hasil penjualan bijih timah tersebut. (Raja Chulan, 1968, p. 29.) Antara daerah yang banyak bekalan bijih timah ialah daerah Larut, Kinta dan juga Batang Padang. Kemajuan perdagangan bijih timah telah mengakibatkan kemajuan perkembangan negeri Perak terutamanya di sekitar Sungai Perak. Bermula dari sebuah penempatan kecil pada awal abad ke-16 dengan bilangan penduduk 200 orang sahaja seperti yang dilaporkan oleh Tom Pires, sehingga menjadi sebuah negeri dengan penduduk seramai lebih kurang 5,000 orang pada

tahun 1621, seperti yang dilaporkan oleh sumber Belanda. (Barbara Watson Andaya, 1979, p. 16.) Selain daripada bijih timah yang merupakan eksport utama Perak, dalam perdagangan di Tanah Melayu, Perak juga memainkan peranan sebagai pengeluar hasil-hasil hutan seperti rotan, damar, kayu-kayuan, buah-buahan dan gajah. (Ahmad Jelani Halimi, Ishaat Saat, 2010, p. 31.)

Pada peringkat awal, perdagangan ini dikuasai dan dijalankan oleh pihak Sultan dan dibantu oleh pembesar-pembesar daerah yang membantu membekalkan hasil untuk didagangkan. Misa Melayu telah menjelaskan penglibatan perdagangan ini dalam kalangan Sultan dan golongan pembesar di Perak seperti Sultan Muzaffar Shah III (1728-1752) sehingga menjadikan baginda kaya malah lebih kaya daripada ayahandanya. (Raja Chulan, 1968, p. 26.) Sultan Iskandar Zulkarnain (1752-1765) juga terlibat dalam aktiviti perdagangan, apabila baginda sendiri mengiriskan Tambi Kechil ke India bagi menggalakkan para saudagar India membeli gajah Perak daripada baginda sendiri. Sultan Iskandar Zulkarnain sendiri yang menjerat gajah di Sayung untuk di dagangkan dan sumber Belanda menyatakan bahawa perdagangan gajah adalah amat menguntungkan ketika itu dan ia merupakan monopoli diraja. (Muhammad Yusof Hashim, 1987, p. 18.) Perdagangan yang dijalankan ketika itu di samping penjualan hasil bijih timah, gajah juga merupakan barang dagangan negeri Perak, walaupun kebanyakannya di kuasai oleh golongan sultan dan pembesar. Sultan sebagai pemilik ekonomi, manakala para pembesar dan orang suruhan adalah orang yang menjalankan aktiviti perdagangan tersebut sebagai wakil pihak sultan.

Perak mendapat faedah yang banyak daripada ledakan perdagangan semasa pada kurun ke-16 apabila Perak dikunjungi ramai pedagang untuk mendapatkan pelbagai barangan termasuk bijih timah. Perak yang kaya dengan hasil bumi bijih timah telah menjadikan perdagangan sebagai nadi utama dalam perdagangan antarabangsa ketika itu. Perkembangan bijih timah di Perak terus meningkat, sebagai buktinya pada tahun 1596 berdasarkan rekod Belanda terdapat bijih timah dari Perak dijual dengan jumlah yang banyak ke Bantam. Selain itu pedagang dari Pantai Coromandel, India telah datang ke Perak dengan membawa barang dagangan seperti kain untuk ditukarkan dengan bijih timah dan juga gajah yang mendapat permintaan yang tinggi di India. (Barbara Watson Andaya, 1979, p. 22.)

Belanda kemudiannya telah berusaha untuk memonopoli perdagangan bijih timah di Perak. Walau bagaimanapun hasrat tersebut tidak dipersetujui oleh Sultan Muzaffar Syah II dan hal ini telah menyebabkan Belanda bertindak mengepung kuala Sungai Perak. Belanda juga telah berusaha untuk meminta kebenaran daripada Aceh iaitu melalui Sultan Tajul Alam untuk berniaga serta membeli bijih timah di Perak kerana Perak masih lagi di bawah naungan Aceh ketika itu. Pada tahun 1650, Gabenor Cornelis van der Lijn telah menghantar wakilnya iaitu Joan Truijtmann ke Aceh untuk berunding dengan Sultan Tajul Alam, bagi mendapatkan persetujuan supaya hanya Aceh dan Belanda sahaja yang boleh berniaga bijih timah di Perak. Akibat campur tangan Aceh ini telah menyebabkan Belanda berjaya menandatangani perjanjian dengan Sultan Muzaffar Shah II pada 15 Ogos 1650, seterusnya mendirikan loji atau gudang untuk tempat mereka dan menyimpan bijih timah di kuala Sungai Perak. (CO 1071/239, Federated Malay States. Report of the Chief Secretary to Government for the Year 1930, p.1.) Walau bagaimanapun kebanyakan penduduk Perak tidak menyenangi pembinaan loji tersebut dan rentetan perkara ini menyebabkan mereka telah menyerang dan telah membunuh 27 orang askar Belanda serta memusnahkan loji tersebut. (Barbara Watson Andaya, 1979, p. 46.)

Belanda terus berusaha untuk mendapatkan monopoli perdagangan bijih timah dari Perak apabila pada tahun 1655, sewaktu pemerintahan Sultan Mahmud Iskandar Shah, Gabenor Jeneral Betawi, Joan Maatsuyker telah menghantar wakilnya Joan Truijtmann untuk

memperbaharui perjanjian yang dibuat pada tahun 1650. Belanda juga telah menuntut Perak untuk membayar ganti rugi sebanyak 50,000 rial ke atas loji Belanda yang diserang dan menuntut mereka yang terlibat dalam serangan memusnahkan loji sebelum ini dihukum. (Abdullah Zakaria Ghazali, 2018, p. 8.) Walaupun terdapat perjanjian dengan Belanda, tetapi Perak tidak mematuhi ketetapan yang telah ditetapkan atas urusan jual beli apabila terdapat bijih timah Perak ada yang dijual kepada saudagar India, Aceh dan Cina kerana tawaran harga mereka lebih baik berbanding dengan harga yang ditawarkan oleh Belanda sehinggakan Belanda mengalami masalah untuk bekalan bijih timah. Berikutan dengan itu, Belanda telah membina semula lojinya di Perak pada tahun 1659 bagi memastikan mereka dapat memonopoli perdagangan bijih timah dengan Perak. Walau bagaimanapun, akibat harga yang masih rendah ditawarkan, mengakibatkan Perak terus menjual bijih timah kepada saudagar India, Aceh dan Cina secara sulit sehingga mengakibatkan Belanda terpaksa menutup lojinya di Perak pada tahun 1663. Kehadiran Belanda membina semula kota kayu di Pulau Pangkor pada tahun 1670 telah sekali lagi mencetuskan penentangan orang Perak dengan melancarkan serangan ke atas Kota Belanda pada tahun 1676 dan tahun 1677. Dalam pada itu Belanda masih berupaya membawa kira-kira 450,000 paun bijih timah dari Perak ke Melaka walaupun masih terdapat kegiatan tidak menjual bijih timah kepada Belanda. (Abdullah Zakaria Ghazali, 2018, p. 9.) Pada tahun 1680 Sultan Mahmud Iskandar Shah telah memberi kebenaran kepada Belanda untuk menahan dan menangkap sesiapa sahaja yang membawa bijih timah tanpa surat kuasa dan sekiranya mereka melawan, dan boleh dibunuh. R.O. Winstedt & R.J. Wilkinson, 1974, p. 52.) Pada tahun 1680, orang-orang Belanda telah membina sebuah gedung (Block House) ataupun dikenali sebagai Kota Belanda di Pulau Pangkor yang pada mulanya telah dibina menggunakan kayu dan kemudiannya telah diperbaiki dengan menambahkan batu-bata.

Walaupun bagaimanapun penentangan orang Perak terhadap Belanda adalah berterusan apabila pada 2 Disember 1690, Panglima Kulup Ali bersama kira-kira 300 orang telah menyerang Kota Belanda di Pulau Pangkor. (Barbara Watson Andaya, 1979, p. 50.) Hal ini mengakibatkan Belanda telah meninggalkan kota tersebut dan menutup lojinya. Kemudian Belanda telah cuba untuk mendirikan sebuah markas di Pulau Dinding, sebelum terdapat arahan pada 24 Jun 1693 untuk tidak membenarkan membina markas lagi di Pulau Dinding. Bagaimanapun satu batu tanda telah dibina sebagai isyarat hak milik Belanda. (R.O. Winstedt & R.J. Wilkinson, 1974, p. 56.)⁵ Menjelang awal kurun ke-18, negeri Perak sama sekali tidak lagi berada di bawah pengaruh Aceh, tetapi ini tidaklah bererti bahawa Perak terhindar dari kuasa luar seperti Belanda. Pada bulan Mei 1746, Belanda telah mengutus Ary Verbrugge ke Perak bagi memberi jaminan kepada Sultan Muzaffar Shah III yang merupakan Sultan Perak yang ke-13 (1728 – 1752), bahawa Belanda akan melindungi Perak daripada serangan Bugis dan sebuah kubu akan dibina di Pulau Pangkor. Pada 25 Julai 1746 Verbrugge telah menandatangani satu perjanjian yang membenarkan Belanda menjalankan perniagaan bijih timah dengan Perak. (Barbara Watson Andaya, 1979, p. 78.) Belanda dengan angkatan lautnya yang kuat telah dapat menyekat perairan Perak agar lain-lain pedagang tidak dapat masuk membeli bijih timah di Perak. Dengan ini, Belanda telah memonopoli pembelian bijih timah dari negeri Perak dan kerajaan Perak terpaksa mengikut kehendak Belanda kerana Perak tidak berupaya untuk melawan Belanda yang mempunyai kekuatan tentera yang lengkap.

Pada abad ke-17 dan ke-18, Belanda terus memonopoli perdagangan timah dengan Perak, dengan menggunakan pelabuhan Telok Anson sebagai secara intensif sebagai jalan masuk melalui muara sungai Perak. (Badariyah Haji Salleh, 1985, p. 38.) Misa Melayu juga ada mencatatkan pada zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Shah III orang Belanda dari Betawi yang datang melalui Melaka terus masuk ke Perak untuk menjalankan perdagangan

bijih timah. Melalui kepintaran orang Belanda ini, mereka telah dapat memonopoli semua bijih timah yang dibawa melalui Sungai Perak. Bijih timah ini dibeli dengan harga \$30.00 rial⁶ satu bahara⁷ dengan tambahan cukai sebanyak \$2.00 rial yang dibayar kepada Sultan. Belanda juga telah dibenarkan untuk membina loji perniagaan mereka di Pangkalan Halban, Tanjung Putus. Secara tidak langsung, Perak telah mendapat keuntungan melalui penjualan bijih timah kepada Belanda ini. (Raja Chulan, 1968, p. 8.) Belanda telah membina gudang penyimpanan yang dikelilingi oleh sebuah kota di Pangkalan Halban dan semua bijih timah hendaklah dijual hanya kepada Belanda sahaja. Setelah loji di Pangkalan Halban siap, pada 18 Oktober 1748 van Imhoff telah mengarahkan untuk meninggalkan kota Pulau Dinding dan berpindah ke Pangkalan Halban. (R.O. Winstedt & R.J. Wilkinson, 1974, p. 56.)

Dalam usaha memastikan agar Perak terus dijadikan sebagai sumber dalam membekalkan bahan utama dunia ini adalah telah menjadi amalan setiap tiga tahun, Belanda akan menggantikan 'kapitan' ataupun wakilnya untuk menguruskan perdagangan bijih timah di Pangkalan Halban. (Raja Chulan, 1968, p. 29.) Semasa pemerintahan Sultan Iskandar Zulkarnain (1752 -1765) iaitu Sultan Perak yang ke-15, R. E. F Lybroke telah dihantar sebagai utusan Belanda dari Betawi pada tahun 1770-an ke Perak untuk menghadap Sultan Iskandar Zulkarnain bagi menguruskan perdagangan bijih antara kedua buah negara ini untuk membeli bijih timah dan dihantar ke loji Belanda di Tanjong Putus. (Raja Chulan, 1968, p. 106.) Walau bagaimanapun perkara ini tidak dipersetujui oleh Sultan Iskandar sebaliknya menitahkan Bendahara untuk menguruskan tempat timbangan bijih timah di Tanjung Bidor yang diuruskan oleh Menteri dan Syahbandar. (Raja Chulan, 1968, p. 108.) Demikian halnya dengan Perak, digambarkan oleh Misa Melayu ketika zaman pemerintahan Sultan Iskandar Zulkarnain kerancangan kegiatan perdagangan dan kedatangan ramai pedagang dari luar ke Perak sehingga menjadikan ramai yang mendiami negeri tersebut.

Hatta negeri itu pun bertambah-tambah ramai-nya lagi dengan ma'amor-nya dan murah-nya, shahadan lengkap dengan pekan dan bandar kedai-nya berkeliling kota itu tempat segala orang-orang berniaga jual beli tukar-menukar daripada serba aneka jenis bagai-nya. (Raja Chulan, 1968, p. 90.)

Sultan Iskandar Zulkarnain adalah merupakan sultan yang sangat mengambil berat tentang pembukaan bandar-bandar di negeri Perak, malahan di tempat baginda bersemayam iaitu di Pulau Indera Sakti telah wujud sebuah bandar yang dinamakan Temasya, yang mana bandar tersebut telah menjadi tumpuan pedagang-pedagang luar. Selepas kemangkatan Sultan Iskandar Zulkarnain, didapati orang-orang Belanda tidak lagi datang untuk membeli bijih timah dan mereka juga tidak lagi mengancam kerajaan negeri Perak kerana terdapat persaingan yang dengan kuasa lain, iaitu British yang telah membuka Pulau Pinang dan British telah memaksa Belanda untuk meninggalkan lojinya di Kuala Sungai Perak itu. (N. A. Halim, 1981, pp. 10-11.)

Perdagangan Orang Melayu

Aktiviti perdagangan yang dijalankan oleh orang Melayu di Perak, tidak sahaja melibatkan golongan Sultan dan pembesar-pembesar di daerah-daerah. Golongan rakyat khususnya orang Melayu tempatan juga adalah merupakan pemain-pemain yang aktif dalam aktiviti perdagangan. Keterlibatan mereka dalam aktiviti perdagangan adalah merupakan kayu ukur yang menunjukkan kemajuan dalam aktiviti ekonomi yang mereka ceburi. Hal ini adalah bagi memenuhi kehendak kepada barangan keperluan lain yang tidak mereka peroleh dari kawasan setempat serta untuk memperdagangkan lebihan barangan yang mereka hasilkan untuk

mendapatkan barangan lain. Perak turut menjadi tumpuan kedatangan golongan perantau terutamanya dari segenap Alam Melayu untuk menjalankan aktiviti perniagaan dan perdagangan sehingga akhirnya mereka telah membina penempatan dan tinggal terus di Perak.

Aktiviti perdagangan di Perak yang bertumpu di kawasan-kawasan berhampiran dengan laut seperti di kawasan daerah Dinding turut menjadi tumpuan pedagang seperti dari Batu Bahara iaitu bahagian pantai Timur Sumatera. Selepas kerajaan Gangga Nagara dilenyapkan, tidak dapat dipastikan penghuni yang mendiami kawasan Dinding kerana kawasan itu sering menjadi tumpuan serangan lanun dan adanya wabak malaria di kawasan itu yang menyebabkan minat untuk dijadikan penempatan telah berkurangan. (Othman Mohd. Yatim, 1994, p. 43.) Hanya pada tahun 1857, barulah jelas terdapatnya penduduk di kawasan Dinding apabila Nakhoda Muhammad Taib (Talib Selamat, 2011, p. 214.)⁸ iaitu seorang ahli pelayar dan perniagaan dari Batu Bahara telah membuka penempatan di kawasan Dinding yang dinamakan Kuala Sepit. Sultan Jaafar Muazzam Shah telah memberikan surat kuasa kepada Nakhoda Mohamad Taib untuk membuka kawasan Dinding supaya aktiviti perlanunan dapat dihancurkan dan aktiviti perdagangan dapat dijalankan dengan aman. Jelas di sini Sultan dan pembesar akan dapat manfaat daripada aktiviti perniagaan dan perdagangan yang dijalankan melalui hasil pengutipan cukai. (Othman Mohd. Yatim, 1994, p. 44.)⁹

Nakhoda Muhammad Taib dan pengikut-pengikutnya telah berusaha dengan gigih dalam menghapuskan pergerakan lanun di situ. Sebelum beliau membuka Kuala Sepit, beliau telah beberapa kali datang ke Perak menjalankan perniagaan, lantaran itu beliau menjadi terkenal dalam kalangan Sultan dan pembesar-pembesar Perak melalui hadiah-hadiah yang dipersembahkannya. Kedudukan Kuala Sepit di Sungai Dinding telah menjadikannya sebuah entrepot yang disinggahi oleh kapal-kapal dagang dari seluruh alam Melayu, khususnya pedagang dari Sumatera. Hal ini kerana Nakhoda Muhammad Taib yang berasal dari Sumatera masih lagi berulang-alik ke tempat asalnya dan telah menarik ramai orang Sumatera datang dan menetap di situ. (Talib Samat, 2011, p. 6.)

Antara barangan yang menjadi tumpuan para pedagang adalah barang-barang hasil hutan seperti rotan, damar dan lain-lain. Sehingga terdapat kapal-kapal dari Pulau Pinang yang datang mengambilnya. Kegiatan ekonomi utama penduduk di Kuala Sepit adalah perdagangan, kerana tanahnya tidak sesuai untuk dijalankan kegiatan pertanian dan hanya terdapat sedikit sahaja pokok kelapa dan pokok buah-buahan yang sesuai ditanam untuk kegunaan penduduk di situ sahaja. Kegemilangan Kerajaan Melayu Kuala Sepit hilang apabila termeterainya Perjanjian Pangkor pada tahun 1874 apabila daerah Dinding telah diserahkan kepada Inggeris. (Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia 1791 – 1965, 2008, p. 33.)¹⁰ Selepas daripada itu sistem pentadbiran yang telah diasaskan oleh Nakhoda Muhammad Taib di Kuala Sepit telah terhakis. Kegagalan memperbaharui surat kuasa daripada Sultan Perak oleh Penghulu Muhammad Nordin iaitu anak Nakhoda Muhammad Taib, telah menghilangkan sedikit demi sedikit pengaruh Kerajaan Melayu Kuala Sepit. (Talib Samat, 2011, p. 45.)¹¹

Dalam bidang perdagangan orang Melayu bukan semua yang terlibat adalah sebagai pedagang dan peniaga, tetapi ada juga yang terlibat dalam bidang perkhidmatan mahir seperti membaiki kapal, jahit menjahit dan bungkus membungkus. Orang Melayu ramai yang terlibat bekerja di pelabuhan, tempat penginapan dan gudang menyimpan barangan seperti mana yang terdapat di pelabuhan Melaka pada zaman kegemilangannya, malah terdapat juga yang membuka kedai runcit dan gerai yang kebanyakannya terdiri daripada kaum wanita. (Mohd Koharuddin Mohd Balwi, 2005, p. 59.)

Jelas di sini, orang Melayu Perak adalah merupakan masyarakat maritim yang menjalankan kegiatan perdagangan di pesisir pantai dan sungai-sungai utama sebagai

pelabuhan pengumpul serta menjadi tumpuan penempatan penduduk dan juga merupakan jalan untuk keluar masuk ke negeri ini. Sungai Perak sendiri memainkan peranan yang penting dalam menjayakan kegiatan ekonomi, kerana kewujudan dan pelaksanaan kerajaan serta kuasa dan kewibawaan pemerintahan adalah di Sungai Perak sendiri seperti Indera Sakti, Pulau Tiga dan Berahman Indera. Jalan melalui sungai adalah merupakan kaedah hubungan dan laluan yang paling asas di Perak. (Muhammad Yusof Hashim, 1987, pp. 13-14.)

Walaupun yang menjadikan perdagangan sebagai aktiviti utama adalah pembesar-pembesar tempatan, tetapi masyarakat Melayu di bawah penguasaan pembesar tersebut telah dilibatkan secara langsung sebagai pembekal barangan keperluan yang boleh di dagangkan seperti hasil hutan. Pembesar berperanan untuk memperdagangkan barangan yang telah dibekalkan oleh penduduk setempat kepada pedagang luar serta bertanggungjawab dalam memungut cukai. Sebaliknya penduduk kampung akan memberikan persembahan kepada pembesar setempat dengan mengumpulkan hasil hutan seperti rotan, buluh, getah perca dan damar untuk diperdagangkan bagi memperoleh kain, tembakau Jawa, garam dan alat perkakasan daripada besi yang diimport. (William R. Roff, 1967, p. 2.) Di antara hasil hutan yang digemari dan mendapat permintaan daripada pelanggan-pelanggan dari Sumatera dan juga orang Cina ialah sagu. Sagu didapati daripada batang pokok rumbia yang banyak tumbuh di kawasan lembah-lembah Sungai Perak dan sungai-sungai sekitarnya. (Badriyah Haji Salleh. 1988, p. 82.)¹² Selain daripada itu, masyarakat Melayu juga menjalankan kegiatan perdagangan sesama mereka seperti masyarakat Melayu yang tinggal berhampiran sungai turut juga terlibat dalam menjalankan aktiviti perdagangan secara kecil-kecilan. (William R. Roff, 1967, p. 1.) Mereka melakukan sedikit pertukaran barang-barang dan hasil-hasil kampung, bagi memenuhi keperluan mereka yang memerlukan kepada barangan yang mereka tidak dapat hasilkan. Masyarakat Melayu sememangnya mempunyai kepakaran tradisional dalam perdagangan dan pertukaran dalam menghasilkan sistem pengedaran dan pemasaran barangan keperluan asas.

Sungai Perak telah menjadi jalan perhubungan utama bagi pedagang dan peniaga yang menjalankan urusan menjual dan membeli bagi membawa barangan mereka.

The villages of Perak, which take the place of towns, are, as has been intimated, nearly all situated on the various rivers. They are mostly of very little importance, but as in the opening out of the country they may rise to the dignity of busy commercial emporiums, and as reference to them is made in these pages, it is necessary to give their names. (Major Fred. McNair, 1878, p. 155.)

Hampir semua kampung-kampung terletak di tebing sungai Perak yang kemudiannya telah menjadi pusat bagi pengumpulan dan pertukaran barangan. Walaupun terdapat orang Melayu yang tinggal di kawasan pedalaman berhampiran dengan hutan yang dihubungkan melalui jalan antara sungai-sungai yang berlainan, tetapi sebahagian besar penduduk memilih tebing-tebing sungai untuk mereka membuat rumah. Hal ini kerana mereka sudah biasa menjalani kehidupan sebagai orang maritim berperahu dan sebagainya. Sungai-sungai adalah merupakan lebuhraya utama untuk ke laut yang menjadi medium utama bagi orang-orang Melayu memperoleh bekalan yang dibawa masuk ke Perak seperti garam, ikan masin, dan keperluan lain yang mana mereka bergantung pada perdagangan untuk pertukaran dengan bijih timah dan beras. Dalam kalangan masyarakat Melayu bukan semua barang keperluan dapat dihasilkan oleh mereka. Ketika James Low melawat Perak pada tahun 1826, beliau dapati antara barang yang mereka perlukan daripada luar adalah seperti kain kapas, pakaian, candu, tembakau, garam serta gambir. (J. M. Gullick, 1989, p. 124.)

Keperluan kepada barangan ini telah membawa kepada perkembangan aktiviti perniagaan dan perdagangan dalam masyarakat Melayu. Antara barang yang diniagakan termasuklah barang makanan seperti ikan masin yang dibawa dari kawasan tepi pantai. Ini

dibuktikan oleh Birch berdasarkan pemerhatian beliau di pantai Dinding bahawa terdapat tiga atau empat buah perahu yang dipenuhi dengan ikan masin dibawa ke Pulau Pinang. (J. M. Gullick, 1989, p. 137.) Ikan masin pada ketika ini telah pun menjadi sumber pendapatan nelayan yang dijual ke pasaran luar melalui orang tengah untuk dipasarkan. Selain daripada itu, antara barangan keperluan yang menjadi bahan dagangan ialah atap. Atap ialah antara barangan keluaran kecil tempatan yang telah dibangunkan di beberapa tempat untuk menjadi industri eksport pasaran luar melalui orang tengah yang kebanyakannya terdiri daripada orang Cina. Kota Setia yang terletak di muara Sungai Perak adalah merupakan satu pusat pengeluaran utama atap. Seorang lelaki dapat menghasilkan 200 atap dalam satu hari dan menjualnya dengan harga 55 sen bagi setiap 100 atap. (J. M. Gullick, 1989, p. 156.)

Dalam kalangan masyarakat berlaku perdagangan runcit, oleh peniaga-peniaga yang bergerak membawa barangan dagangan dengan menggunakan bot dari kampung-kampung di sepanjang sungai. J. W. W. Birch menyebut seorang lelaki yang berasal dari Terengganu mengembara ke Perak dengan stok bilah keris untuk dijual. Terdapat juga pedagang-pedagang lain yang membawa barangan tekstil seperti pakaian, seluar, dan juga sutera halus. Tidak semua pedagang Melayu ini berasal dari luar Perak, malah terdapat juga pedagang tempatan seperti Haji Mat Yasin yang berasal dari Durian Sebatang yang merupakan pedagang yang membawa dagangan yang besar. Haji Mat Yasin mempunyai hubungan keluarga dengan Datuk Laksamana, iaitu salah seorang pembesar Perak, yang mana abangnya adalah ahli keluarga Sultan Abdullah. Bapa Haji Mat Yassin, yang merupakan seorang peniaga dari Batak Rabik telah memberikannya harta sebanyak \$30,000 atau \$40,000 dan dengan itu beliau telah terlibat dalam transaksi dengan Sultan Abdullah. (J. M. Gullick, 1989, p. 102.) Selain daripada itu orang Melayu di Perak juga sudah ada yang menghasilkan kain tenunan sendiri seperti yang terdapat dalam laporan Swettenham, Residen British di Perak pada tahun 1890. Kain-kain tenunan ini juga turut di dagangkan untuk kegunaan masyarakat sekitar. (CO 1071/235, Protected Malay States Reports for 1890, p. 9.)

Menurut catatan Frank Swettenham lagi, pada tahun 1892 terdapat peniaga Melayu, bernama Lenggang yang menyara kehidupannya dengan berjaja dengan menggunakan perahu di sepanjang tebing Sungai Perak bermula dari Bota hingga ke hilir muara sungai. Beliau akan singgah di beberapa kampung yang berada di sepanjang tebing sungai tersebut dan akan menjalankan perniagaannya. (Frank Swettenham, 1984, p. 25.) Selain menggunakan jalan sungai untuk menjalankan perdagangan, orang-orang Melayu di Perak juga telah menggunakan denai-denai dengan berjalan kaki atau menggunakan gajah untuk sampai ke jalan sungai. Perkara ini telah dicatatkan oleh Swettenham bersama-sama pegawai-pegawai dan pengembara-pengembara British semasa mula-mula mentadbir daerah Batang Padang yang berminat membuka tanah-tanah baru. Antaranya jalan melalui Sungai Bernam aktif digunakan sebagai jalan perdagangan oleh orang-orang Melayu. Kapal-kapal boleh menyusuri sungai itu dari bahagian hulu bernama Kampung Bernam atau sebuah kampung yang terletak di sebuah anak sungainya di Kuala Galetin di tebing Sungai Slim. (F. A. Swettenham, 1885, p. 2.) Selain Sungai Bernam, Sungai Bidor juga telah digunakan untuk membawa barang-barang jualan yang kemudiannya telah dipunggah ke Bidor dan juga Tapah. Perjalanan menggunakan jalan darat dari Kampung Bernam dan Kampung Gelatin ini telah dibawa ke negeri Pahang melalui banjaran Titi Wangsa melalui genting di banjaran gunung yang bernama Batu Gajah. (H. W. C. Leech, 1879, p. 38.) Antara barang-barang yang didagangkan ialah bijih timah dan beras. Orang dari Pahang akan membawa kepingan-kepingan bijih timah menggunakan gajah dan akan ditukarkan dengan beras yang didatangkan dari kawasan-kawasan sekitar Slim ini.

Dalam perdagangan orang Melayu juga telah menjalinkan hubungan dengan orang Sakai. Orang-orang Sakai ini akan membekalkan barang-barang hasil hutan dan akan ditukarkan dengan tembakau, kain dan juga lembing. (Badriyah Haji Salleh, 1988, p. 83.) Selain kegiatan perdagangan yang dijalankan oleh pedagang-pedagang masyarakat tempatan Melayu ini juga telah turut melibatkan orang Sakai ini dalam mengerjakan lombong-lombong bijih timah. Seorang pedagang yang terkenal di Kinta, iaitu Raja Bilah yang mengerjakan bijih timah telah menggunakan khidmat tenaga orang sakai untuk mengangkut bijih timah sejauh 14 atau 15 batu. Kadar upah yang ditetapkan ialah tiga puluh sen bagi setiap lima puluh kati yang biasanya terdiri dari satu potong timah atau sepuluh gantang beras. Apabila menggunakan khidmat orang Melayu biasanya upah mereka dibayar dalam duit, tetapi bagi orang Sakai mereka memilih untuk dibayar dalam bentuk barangan seperti pakaian dan tembakau. (H. W. C. Leech, 1879, p. 41.) Kegiatan perdagangan jelas telah menjadi suatu budaya yang melibatkan seluruh masyarakat di Perak apabila ia telah dijalankan secara bersama.

KESIMPULAN

Perak menjadi antara pusat perdagangan dan perniagaan yang penting di alam Melayu yang mana telah menonjolkan orang Melayu dalam mengendalikan aktiviti ekonomi ini. Kewujudan golongan yang terlibat menjalankan perdagangan dan perniagaan, tidak sahaja terdiri daripada kerabat diraja dan pembesar Melayu, tetapi juga terdiri daripada orang kebanyakan ataupun golongan rakyat. Perkembangan ekonomi orang Melayu terus berkembang apabila mereka terus terlibat menjalankan aktiviti berkaitan perniagaan dan perdagangan tanpa meninggalkan aktiviti ekonomi tradisional iaitu pertanian yang telah sehati dengan jiwa masyarakat Melayu tambahan pula ia adalah merupakan keperluan hidup mereka. Seperti yang dinyatakan oleh Gullick, bahawa orang Melayu pada kurun ke-19 telah berkecimpung dalam perniagaan walaupun bilangan peniaga Melayu ketika itu kecil, tetapi telah wujud satu kelas peniaga yang aktif. (A. Azmi Khalid, 1997, p. 232.) Keadaan ini kita boleh meneliti daripada permulaan kedatangan pelbagai keturunan masyarakat Melayu daripada Alam Melayu yang hampir kesemuanya adalah bermula dengan menjalankan aktiviti perniagaan dan perdagangan. Perkara ini jelas apabila keterlibatan golongan perantau juga turut merencanakan lagi aktiviti perdagangan di Perak.

Hasil bijih timah antara tarikan yang utama perkembangan perdagangan di Perak seawal pada zaman Kerajaan Gangga Nagara hinggalah sebagai pembekal bijih timah bagi Kerajaan Melayu Melaka. Usaha bagi mendapatkan monopoli bijih timah oleh Belanda dan Aceh juga telah menjadikan Perak terus berkembang sebagai sebuah pusat perdagangan sehinggalah membawa kepada penguasaan British di Perak. Permintaan kepada barangan keperluan harian masyarakat setempat juga antara yang merencanakan lagi perkembangan perdagangan di Perak. Kemajuan ekonomi perdagangan telah menjadikan Perak turut didiami oleh pelbagai keturunan orang Melayu juga turut terdapat bangsa lain seperti Belanda, Cina dan India yang memancarkan sebuah masyarakat yang kosmopolitan coraknya. (Muhammad Yusof Hashim, 1987, p. 12.)

NOTA Hujung

¹ Menjelang penaklukan Portugis, Melaka adalah sebuah kota yang besar yang mempunyai penduduk yang dianggarkan sekitar 100 hingga 200 ribu orang.

- ² Ketika serangan tersebut, kubu atau kota kerajaan tersebut yang terletak di atas sebuah bukit (Bukit Segari sekarang) telah dibinasakan oleh angkatan perang India itu, Kota ini adalah kota atau kubu yang tertua wujud di negeri Perak yang dibina kira-kira pada kurun ke lima atau kurun ke enam, Kesan-kesan kota tersebut masih boleh dapat dilihat di atas Bukit Segari di daerah Dinding sekarang.
- ³ Menurut sumber tradisi lisan, pada masa itu Sungai Perak mengalirkan kualanya ke Sungai Dinding. Bekas aliran sungai tersebut sekarang ini dikenali sebagai Kubang Aji (yang sekarang terletak di Sungai Korok, Parit, Perak). Beruas pula bersambung dengan Sungai Perak melalui tempat bernama Tumbus iaitu Tepus pada hari ini.
- ⁴ Artifak Batu Nisan Aceh yang disahkan sebagai milik Raja Beruas yang pertama iaitu Sultan Malik al-Mansur yang ditemukan di Kampung Kota, Beruas merupakan bukti kewujudan kerajaan Melayu Beruas. Penemuan ini menunjukkan bahawa Kerajaan Melayu Beruas diperintah oleh keturunan Raja Acheh atau Pasai berdasarkan Sultan Malik al-Mansur adalah adik kepada Sultan Malik al-Zahir yang memerintah Pasai pada tahun 1326 hingga 1350. Berdasarkan tarikh tersebut ini bermakna kerajaan Melayu Beruas sudah bertapak dalam abad ke-14 lagi.
- ⁵ Pada 20 November 1745, Gabenor Jeneral Gustraaf Willem, Baron van Imhoff mengarahkan untuk membina semula kota di Pulau Dinding dengan kekuatan kota tersebut 30 orang, termasuk anak tempatan tetapi tidak ada orang Bugis.
- ⁶ 'Rial' adalah merupakan mata wang Sepanyol yang digunakan dalam urus niaga perdagangan bijih timah dengan Belanda pada ketika itu.
- ⁷ Bahara adalah ukuran timbangan berat yang tidak tetap beratnya, iaitu bergantung pada barang yang ditimbang, contohnya satu bahara emas beratnya 10 kati. Satu kati bersamaan 600 gram. Hal ini bermakna satu bahara yang bersamaan 10 kati adalah 6 kilogram.
- ⁸ Nakhoda Muhammad Taib berasal dari Batu Bara, Sumatera sebelum menjadi pemerintah di Kuala Sepit. Nakhoda lebih terkenal dengan ilmu perniagaan dan pelayaran menyebabkan beliau dikenali ramai terutamanya dalam kalangan raja-raja, orang-orang besar dan saudagar. Di antara raja yang kenal dan mesra dengannya ialah Sultan Ja'afar Muazzam Shah, Sultan Perak yang ke 23 yang menaiki takhta kerajaan Negeri Perak pada tahun 1850, menggantikan Sultan Abdullah Muhammad Shah (Marhum Durian Sebatang). Sebagai seorang ahli dalam pelayaran dan perniagaan, Nakhoda amat disegani oleh ahli-ahli pelayaran, pembesar-pembesar negeri dan lain-lain kerana keperwiraannya yang luar biasa serta mempunyai sebilah keris bernama Helang Menyambar.
- ⁹ Sultan Ja'afar Muazzam Shah yang memerintah Perak dari tahun 1857 hingga 1873 telah menyerahkan surat kuasa kepada Nakhoda Mohamad Taib di Istana Pasir Panjang Indera Mulia. Pemberian konsesi kepada orang-orang terkenal sebelum campur tangan British adalah perkara yang biasa dilakukan oleh Sultan ketika itu, demi memperoleh keamanan dan keuntungan cukai.
- ¹⁰ Dalam fasal Ke-11 Perjanjian Pangkor : Bahawa Persetiaan di mana Pulau Dinding dan pulau-pulau Pangkor telah diserahkan kepada Great Britain telah tersalah faham, dan dengan yang demikian, maka perlulah diselaraskan semula supaya dapat dikuatkuasakan tujuan sebenar para penggubal Persetiaan itu, dan dengan ini maka diisytiharkan bahawa sempadan wilayah yang diserahkan itu hendaklah diperbetulkan seperti berikut:
Dari Bukit Sigari, seperti yang tertera dalam Lembaran Carta No. 1 Selat Melaka, yang salinannya dilampirkan, dengan bertanda A, merentas lurus hingga ke laut, kemudiannya di sepanjang pantai laut ke selatan, ke Pulau Katta di sebelah Barat, dan dari Pulau Katta merentang ke timur laut kira-kira sepanjang lima batu, dan kemudiannya ke utara, iaitu ke Bukit Sigari.
- ¹¹ Tiada rekod yang menunjukkan Penghulu Muhammad Nordin telah dijemput ke Perjanjian Pangkor di atas kapal Pluto. Hal ini menunjukkan bahawa Andrew Clark tidak mengiktiraf kuasa dan kepimpinan Nakhoda Muhammad Taib dan anaknya ke atas jajahan Dinding yang telah ditauliahkan oleh Sultan Ja'afar Mua'azzam Shah.
- ¹² Batang pokok rumbia ini ditebang dan sagunya ditumbuk serta diuli untuk mendapatkan pati-patinya. Air sagu ini ditapis lalu dimendapkan, patinya dijadikan tepung atau manik-manik sagu.

RUJUKAN

- A. Azmi Khalid. (1997). *Ekonomi Melayu Kurun ke-19: Sara Diri atau Komersial?* Dalam Badriyah Haji Salleh dan Tan Liok Ee. Alam Pensejarahan: Dari Pelbagai Perspektif. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Cortesa, (1944). *The Suma Oriental of Tome Pires, an Account of the East, from the Red Sea to Japan, Written in Malacca and India in 1512 – 1515*. Hakluyt Society, 2nd ser., vols. XXXIX and XL. London. II.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (2018). *Dinamika dan Romantika Ekonomi Melayu dalam Sejarah Malaysia Sebelum Tahun 1957*. Prosiding Kongres Sejarah Malaysia III. 28 – 29 Ogos 2018. Kuala Lumpur: Wisma Sejarah Malaysia.
- Adnan Haji Nawang. (1988). *Perak: Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Ahmad Jelani Halimi. (2006). *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka: Abad ke-15 hingga ke-18*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Jelani Halimi, Ishat Saat. (2010). *Warisan Melayu Perak*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Auni Haji Abdullah. (2001). *Islam dan Perdagangan dalam Sejarah Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Darulfikir Sdn. Bhd.
- CO 1071/235. (1890) *C. C. Smith to Lord Knutsford*. Straits Settlements: Further Papers Relating to the Protected Malay States Reports.
- CO 1071/239. (1930). *Federated Malay States. Report of the Chief Secretary to Government*.
- CO 1071/240. (1935) *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States*.
- Fawzi M. A. Basri. (1986). *Chempaka Sari Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.
- F. A. Swettenham. (1885) “Journal Kept During A Journey Across the Malay Peninsula”. JSBRAS, 15 June. Singapore: Printed at the Government Printing Office.
- Frank Swettenham. (1984). *Malay Sketches*. Singapore: Graham Brash (PTE). LTD.
- H. W. C. Leech. (1879). “About Kinta”. Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society (JSBRAS). 4th December. Singapore.
- H. W. C. Leech. (1879). *About Slim and Bernam*. Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society (JSBRAS). No. 4. December. Singapore.
- J. M. Gullick. (1989). *Malay Society in the Late Nineteenth Century: The Beginnings of Change*. Singapore: Oxford University Press.
- Leonard Y. Andaya. (1975). *The Kingdom of Johor: 1641-1728. Economic and Political Developments. East Asian Historical Monographs*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Luis Filipe Ferreira Reis Thomaz. (1989). *Masyarakat Melaka Menjelang Penaklukan Portugis: Satu Interpretasi Tentatif Berdasarkan Dokumen Portugis Yang Masih A Hingga Kini*. Dalam Ismail Hussein (peny) Tamadun Melayu. Jilid Satu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Major Fred. McNair. (1878). *Perak and the Malays: Sarong and Kris*. London: Tinsley Brothers.
- Mohd Arof Ishak. (2009). *Tamadun Alam Melayu (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Mohd Koharuddin Mohd Balwi. (2005). *Budaya Perniagaan dan Perdagangan Melayu dalam Teks Melayu*. Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 15.

- Mohd Samsudin. (2017). *Kegemilangan Hubungan Diplomatik Empayar Melaka*. Dalam. *Kegemilangan Maritim Kesultanan Melayu Melaka*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Yusof Hashim. (1987). *Masyarakat Melayu Perak Abad ke-18: Interpretasi Historis dari 'Misa Melayu'*. Dalam *Kertas Kerja Koloqium Masyarakat Melayu Abad ke-18*. (17 Oktober 1987). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhd. Yusof bin Ibrahim. (1996). *Kegiatan Ekonomi dan Perdagangan*. Dalam Zainal Abidin Abdul Wahid. et. al. (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Mohd. Yatim. (1994). *Dinding: Jajahan Istimewa di Perak*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- O. W. Wolters. (1967). *Early Indonesian Commerce: A Study of the Origins of Srivijaya*. New York: Cornell University Press.
- Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia 1791 – 1965*. (2008). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Raja Chulan. (1968). *Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- R.O. Winstedt & R.J. Wilkinson. (1974). *A History of Perak*. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- R. O. Winstedt & R. J. Wilkinson. (1934). *A History of Perak*. JMBRAS Vol XII Part 1 June, Singapore: Printers Limited.
- Sivachandralingam Sundara Raja. (2005). *Ekonomi Orang Melayu di Melaka, 1786-1914*. *Jurnal Sejarah*. Jabatan Sejarah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Vol. 13 No. 13.
- Talib Samat. (2011). *Memartabatkan Kepahlawanan Nakhoda Muhammad Taib*. Ipoh: Yayasan Perak.
- W.G. Shellabear. (2016). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- William R. Roff. (1967). *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

MAKLUMAT PENULIS

MEGAT ZULRUSHDI FAHIMUDIN

Universiti Kebangsaan Malaysia.
mzf1172@yahoo.com

MOHD SAMSUDIN

Universiti Kebangsaan Malaysia.
moss@ukm.edu.my

SUFFIAN MANSOR

Universiti Kebangsaan Malaysia.
smansor@ukm.edu.my